

Laporan RCI Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan

Tun M perdaya Kabinet, siasatan jenayah boleh dimulakan

Laporan 217 muka surat suruhanjaya yang diedarkan di Dewan Rakyat semalam, syorkan siasatan jenayah boleh dimulakan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengikut Seksyen 415(b) Kanun Keseksaan. Ia diusulkan susulan Malaysia kehilangan Batu Puteh kepada Singapura selepas Jemaah Menteri yang diketuai Dr Mahathir pada 2018 menarik balik permohonan semakan batalkan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

→ *Nasional* 4, 5, 6



Antara rumusan

Dalam konteks Seksyen 415(b), apa yang perlu ditunjukkan ialah Tun Dr Mahathir telah menipu Jemaah Menteri dan dengan sengaja mendorong Kerajaan Malaysia untuk tidak meneruskan permohonan-permohonan tersebut (permohonan semakan keputusan ICJ dan permohonan tafsiran) walaupun keputusan itu telah dibuat secara sepihak oleh Dr Mahathir tanpa kelulusan Jemaah Menteri

Dalam isu tindakan jenayah ini, Tan Sri Datuk Zainun Ali dan Datin Prof Dr Faridah Jalil (ahli-ahli RCI) berpendapat tindakan-tindakan Dr Mahathir berhubung keputusan untuk tidak meneruskan kedua-dua permohonan tersebut hanyalah merupakan satu pengabaian tugas (dereliction of duty) dan tidak terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah di bawah mana-mana peruntukan undang-undang

"Suruhanjaya berpendapat bahawa Malaysia mempunyai kes yang boleh dihujah (arguable case) dan bukan sangat lemah seperti yang dinyatakan Dr Mahathir. Oleh yang demikian, tindakan untuk tidak meneruskan kes di saat akhir adalah amat dikesalkan"

